

## BAB III

### POLA-POLA AYAT BAHASA ARAB

#### 3.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan ayat atau jumlat dalam bahasa Arab. Seterusnya pengkaji menerangkan jenis-jenis ayat yang terdapat dalam bahasa Arab. Jenis-jenis ayat dalam bahasa Arab ini boleh diklasifikasikan kepada dua pola iaitu pola ayat namaan (jumlat ismiyyat) dan pola ayat kerjaan (jumlat fi'liyyat).

#### 3.1 AYAT BAHASA ARAB

Menurut Abdullah Hassan (2006:1) ayat terdiri daripada perkataan-perkataan yang disusun dalam susunan dan kelompok-kelompok tertentu. Setiap kelompok perkataan disusun dengan lengkap. Susunan yang lengkap mempunyai makna yang lengkap. Setiap satu kelompok tersebut mengandungi sekurang-kurangnya dua bahagian, iaitu subjek dan predikat.

Manakala Abu Said Muhammad (2004:6) menerangkan bahawa ayat (*jumlat*) bahasa Arab tersusun daripada dua perkataan iaitu sentiasa melengkapkan antara satu sama lain samada memberi makna yang sempurna seperti: *الله الصَّمَدُ* (*Allah tempat*

*Pengharapan*) atau maksud yang kurang sempurna seperti: *إِنْ بَجْتِهْدُ* (*Sekiranya kamu*

*bersungguh-sungguh*). Bagi melengkapkan ayat tersebut, maka perkataan *تَنْجَحُ* perlu

digabungkan dengan frasa *إِنْ بَجْتِهْدِ* supaya ayat tersebut menjadi lengkap dan difahami seperti *إِنْ بَجْتِهْدِ تَنْحَحْ* (Sekiranya kamu bersungguh-sungguh, kamu berjaya).

Sementara itu, kalam (كَلَامٌ) pula ialah lafaz yang memberi makna yang lengkap dan memberi faedah serta sempurna ungkapannya dan pendengar tidak mempersoalkan lagi apabila mendengarnya seperti contoh "قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ"

(surah al-Mukminun : 1) bermaksud “*Sesungguhnya telah berjaya orang-orang yang beriman*”

Manakala menurut Ibn. Malik (1984) ayat adalah lafaz yang mempunyai dua ciri iaitu ciri pertama membawa makna tertentu (الإِفَادَةُ) dan yang kedua berbentuk frasa (التَّرْكِيْبُ) seperti contoh "إِسْتَقِمَّ" bermaksud 'berdirilah' dan frasa "أَنْتَ + إِسْتَقِمَّ" membawa maksud 'hendaklah kamu berdiri'. Oleh itu, jelas di sini ayat terdiri daripada dua unsur iaitu frasa (التَّرْكِيْبُ) dan membawa maksud tertentu (الإِفَادَةُ). Definisi ini dijelaskan oleh Ibn. Malik dalam Alfīyahnya:

كَلَامُنَا لَفْظٌ مُفِيدٌ كَأِسْتَقِمَّ # وَاسْمٌ وَفِعْلٌ ثُمَّ حَرْفٌ الْكَلِمِ

Daripada syair ini dapatlah difahami kalam atau ayat ialah lafaz yang membawa pengertian tertentu seperti 'berdirilah' dan *kalim* atau kata pula terdiri daripada kata nama, kata kerja dan partikel.

Menurut Abu Said Muhammad (2004:6) pula *kalim* atau ungkapan ialah lafaz yang terdiri dari tiga perkataan atau lebih yang memberi faedah dari segi makna dan pendengar akan berpuas hati dan tidak akan menyoal apa-apa lagi. Justeru itu, apa-apa frasa yang membawa maksud tertentu dan difahami oleh pendengar maka itulah yang dinamakan kalim ataupun ayat. Namun begitu terdapat frasa yang terdiri daripada tiga perkataan tetapi masih belum memuaskan hati pendengar, maka ianya tidak dikatakan kalim atau ayat. Seperti dalam contoh ini, "إِنَّ قَامَ زَيْدٌ" ia merupakan ayat tergantung kerana pendengar masih tertanya-tanya dan ragu-ragu akan maksudnya.

Ini bersalahan dengan pengertian yang diberikan oleh Ibn. Malik dan pakar-pakar gramatis Arab yang mengatakan bahawa ayat mempunyai dua ciri iaitu ayat boleh membawa erti tertentu kepada pendengar dan yang kedua ianya berbentuk frasa. Jelaslah di sini ayat *إِنَّ قَامَ زَيْدٌ* tidak menepati ciri yang pertama iaitu memberi faedah dari segi makna (الإفادَةُ). Maka menurut Ibn. Malik frasa ini tidak dinamakan ayat.

Manakala al-Zamakhshari dalam Fakhruddin Qabawāt (1983:15) menyebut kalam dinamakan juga ayat iaitu ungkapan yang terdiri daripada dua perkataan berkait rapat antara satu sama lain. Ianya terdiri daripada dua kata nama seperti: *زَيْدٌ أَخُوكَ* atau terdiri dari kata kerja dan kata nama seperti: *ضَرَبَ زَيْدٌ*. Begitu juga dengan pakar-pakar gramatik yang lain mengatakan bahawa kalam itu adalah jumlaḥ atau ayat.

Sementara itu, Amanulla Vadakkangara (2006:14) mengatakan ayat yang lengkap adalah:

التَّرْكِيْبُ الَّذِي يُفِيدُ فَائِدَةً تَامَةً يُسَمَّى جُمْلَةً مُفِيدَةً وَيُسَمَّى أَيْضًا كَلَامًا. الْجُمْلَةُ الْمُفِيدَةُ قَدْ تَتَرَكَّبُ مِنْ كَلِمَتَيْنِ وَقَدْ تَتَرَكَّبُ مِنْ أَكْثَرِ. وَكُلُّ كَلِمَةٍ فِيهَا تُعَدُّ جُزْءًا مِنْهَا.  
(m.s :14)

Menurut Amanulla Vadakkangara (2006) ayat yang lengkap tersusun daripada sekumpulan perkataan dan membawa makna yang sempurna. Ianya terdiri dari dua perkataan atau lebih dan setiap bahagian perkataan tersebut saling melengkap antara satu sama lain. Sementara itu, Fassi Fehri (1990: 55) mengatakan struktur ayat asal bahasa Arab terdiri daripada [ ف - فا - مف (س) ] di mana rumus س sentiasa berubah samada terdiri dari susunan *harf* atau *zarf* . Susunan ayat ini dimulakan dengan kata kerja muta'adhiyat atau kata kerja lazimat.

Mustafa al-Fār (2006: 11) mendefinisikan ayat ialah ungkapan yang terdiri dari dua perkataan atau lebih dan memberi maksud yang lengkap dan difahami. Menurutnya lagi ayat terbahagi kepada dua bahagian iaitu ayat ismiyyat dan ayat fi'liyyat.

Manakala Fu'ad Ni'amat dalam Wan Moharani & Muhammad Marwan (2008:23) ayat bahasa Arab terbahagi kepada dua jenis iaitu ayat namaan dan ayat kerjaan. Ayat namaan terdiri dari dua unsur iaitu subjek dan predikat. Sementara ayat kerjaan juga terdiri dari dua unsur iaitu kata kerja dan pelaku.

### 3.2 Ciri-Ciri Asas Yang Berkaitan Dengan Pola Ayat Bahasa Arab

Biasanya ayat bahasa Arab dibina dengan menggunakan perkataan yang terdiri dari kata nama, kata kerja dan kata sendi. Menurut Id Muhammad (2005: 13) perkataan dalam bahasa Arab merangkumi kata nama, kata kerja dan kata sendi. Dalam membina ayat-ayat gramatis ciri-ciri asas seperti genus, bilangan, am dan khas, infleksi dan susunan perkataan, kesesuaian hendaklah diambilkira. Berikut dijelaskan ciri-ciri asas yang diperlukan dalam membina ayat-ayat gramatis.

#### i. Genus (النوع)

Menurut (Mohamed, Yasin: 1998) genus dalam bahasa Arab dibahagikan kepada dua jenis iaitu genus hakiki dan genus majaziy.

Genus hakiki ialah kata nama yang terdiri daripada lelaki/perempuan atau jantan/betina seperti dalam contoh ayat berikut:

عَلِيٌّ مُجْتَهِدٌ / أَمِينَةٌ مُجْتَهِدَةٌ

Perkataan عَلِيٌّ adalah kata nama (اسم) genus hakiki berbentuk maskulin (المذكر)

Perkataan أَمِينَةٌ adalah kata nama (اسم) genus hakiki berbentuk feminin (المؤنث)

Manakala genus majaziy ialah kata nama yang pada hakikatnya tidak mempunyai lelaki/jantan (المذكر) atau perempuan/betina (المؤنث) tetapi dianggap maskulin atau feminin dari aspek perkataan itu sendiri dan sudut tatabahasa berdasarkan tanda-tanda tertentu. Tanda-tanda tersebut ialah apabila sesuatu perkataan tersebut diakhiri dengan

tanda ta' marbūṭatِ (ة) seperti contoh الْمَدْرَسَةُ . Huruf (ة) di akhir perkataan الْمَدْرَسَةُ menandakan perkataan ini adalah dari genus nahuan feminin.

Namun begitu terdapat juga perkataan atau kata nama yang tidak diakhiri dengan ta' marbūṭatِ (ة) tetapi dianggap feminin kiasan (مُؤَنَّتٌ بِحَازِيٌّ) seperti perkataan الشَّمْسُ . Perkataan yang berbentuk feminin kiasan ini amat terhad bilangannya dan tidak mempunyai kaedah tertentu dalam menentukan samada ianya maskulin atau feminin. Sementara itu, terdapat perkataan yang diakhiri dengan ta' marbūṭatِ (ة), tetapi maknanya tetap maskulin. Perkataan ini dinamakan feminin dari sudut lafaz (مُؤَنَّتٌ) . Contoh perkataan مُؤَنَّتٌ لَفْظِيٌّ ini ialah هَمْرَةٌ iaitu nama khas seorang lelaki.

## ii. Bilangan (الْعَدَدُ)

Menurut Mohamed Yāsin (1998) kata nama dalam bahasa Arab dari sudut bilangan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kata nama tunggal, kata nama duaan dan kata jamak. Kata tunggal bermaksud setiap kata menunjukkan makna *satu* samada kata nama manusia, haiwan ataupun benda. Contoh seperti مُسْلِمٌ bermaksud (*seorang Islam*) Manakala kata duaan ialah kata nama yang menunjukkan maksud *dua*. Kata duaan dibentuk dengan cara menambah +انِ atau +ينِ seperti dalam contoh berikut:

$$\text{المُسْلِمِ} + \text{انِ} = \text{المُسْلِمَانِ}$$

الْمُسْلِمِينَ = يِن + الْمُسْلِمُ yang bermaksud (dua orang Islam).

Sementara itu, kata jamak membawa maksud ramai iaitu lebih dari tiga. Kata Jamak dalam bahasa Arab pula terbahagi kepada tiga bentuk iaitu:

a. Ditambah kepada kata tunggal +وُنَ dan +يُنَ seperti dalam contoh berikut:

الْمُسْلِمُونَ = وُنَ + الْمُسْلِمُ

الْمُسْلِمِينَ = يِنَ + الْمُسْلِمُ yang bermaksud (ramai orang Islam lelaki).

Ianya dinamakan kata jamak maskulin ( جَمْعُ الْمَذَكَّرِ السَّالِمِ )

b. Ditambah kepada kata tunggal + اَتْ seperti contoh di bawah:

الْمُسْلِمَاتُ = اَتْ + الْمُسْلِمُ

Ianya dinamakan جَمْعُ الْمُؤَنَّثِ السَّالِمِ (kata Jamak Feminin) iaitu kata nama yang merujuk kepada golongan perempuan yang ramai.

c. Tidak ditambah apa-apa huruf di akhir kata nama tunggal, tetapi berlaku perubahan pada kata akar sesuatu kata nama tunggal. Perubahan ini berlaku pada bahagian tengah sesuatu kata akar. Kata nama jenis ini dinamakan جَمْعُ التَّكْسِيرِ .

Perkataan التَّكْسِيرُ bermaksud pecahan-pecahan. Oleh itu kata akar yang diceraikan huruf-hurufnya dan ditambah dengan beberapa huruf di tengahnya dikenali sebagai جَمْعُ التَّكْسِيرِ . Contoh kata tunggal yang dicerakinkan menjadi jamak Taksir iaitu:

الطُّالِبُ dicerakinkan kepada الطُّلَابُ

الشَّجَرَةُ dicerakinkan kepada الْأَشْجَارُ

الْقَرْيَةُ dicerakinkan kepada الْقُرَى

Kesimpulannya pembahagian kata nama bahasa Arab dari sudut bilangan terdiri dari kata nama tunggal, duaan dan jamak. Kata nama tunggal dan duaan dipecahkan pula kepada maskulin dan feminin. Manakala kata nama jamak pula dipecahkan kepada tiga iaitu *jamak taksir* (pecahan), *jamak muzakar salim* (maskulin) dan *jamak muannath salim* (feminin) .

### iii. Al-Nakirat (Indefinite) dan al-Ma'rifat ( Definite) ( التَّكْرَةُ وَالْمَعْرِفَةُ )

Menurut Ni'amat Fu'ad (1973:12) al-ma'rifat bermaksud setiap kata nama yang telah ditentukan. Dengan lain perkataan al-ma'rifat atau kata nama khas dalam bahasa Arab ialah perkataan yang menunjukkan kepada sesuatu yang tertentu seperti nama orang iaitu Ali, Ahmad, dan nama benda seperti *Buku itu* (الْكِتَابُ). Manakala al-Nakirat pula merujuk kepada perkataan yang tidak tertentu atau yang belum ditentukan lagi seperti perkataan كِتَابٌ bermaksud *buku*. Perkataan *buku* ini lebih umum dan tidak terbatas kepada buku tertentu seperti كِتَابُ التَّارِيخِ yang bermaksud *buku sejarah* .

Menurut Hifni Bek Dayyab dan rakan-rakan ( 1989) al-Ma'rifat atau kata nama khas di dalam bahasa Arab terdiri daripada 6 jenis iaitu:

a. kata ganti nama seperti .. أَنَا، أَنْتَ، أَنْتِ، ..

- b. kata ganti tunjuk ( *demonstrative pronoun* ) seperti تِلْكَ ، ذَلِكَ ، هَذِهِ ، هَذَا dan lain-lain
- c. partikel relatif seperti الَّذِي ، الَّتِي ، الَّذَانِ ، الَّتَيْنِ
- d. kata nama yang mempunyai partikel ال seperti perkataan الْكِتَابُ ، الْمَدْرَسَةُ ، السَّيَّارَةُ
- e. nama khas iaitu إِسْمُ الْعَلَمِ seperti nama orang أَحْمَدُ ، فَاطِمَةُ ، سَلْوَى
- f. kata nama yang disandarkan kepada kata ganti nama bersambung seperti  
 كِتَابِي → كِتَابُ + ي .
- g. kata nama selepas kata seruan (الْمُنَادَى) seperti يَا رَجُلُ

### iii. Infleksi ( الإِعْرَابُ ) dan susunan perkataan ( *word order* )

Menurut Al-Zabidy dalam Tawfiq (1999:33-37) Infleksi ( الإِعْرَابُ ) dari segi bahasa adalah perubahan. Manakala dari segi istilah Infleksi ( الإِعْرَابُ ) dalam bahasa Arab ialah perubahan baris akhir sesuatu perkataan disebabkan oleh perubahan fungsi nahu atau tatabahasa di dalam ayat. Perubahan fungsi nahu ini kadang-kadang melibatkan perubahan fungsi makna dalam sesuatu ayat.

Contoh:

1. يُدْرُسُ زَيْدٌ

*Zaid sedang belajar*

2. إِنَّ زَيْدًا لَنْ يُدْرُسَ

*Sesungguhnya Zaid tidak akan belajar*

Contoh ayat (1) dan ayat (2) di atas menunjukkan perubahan makna yang ketara disebabkan oleh perubahan baris akhir pada perkataan زَيْدٌ pada ayat (1) زَيْدٌ dan ayat (2) زَيْدًا . Kesan perubahan ini adalah disebabkan terdapat kata penegas pada ayat (2) iaitu إِنَّ yang memberi kesan kepada perubahan baris pada perkataan زَيْدٌ bertukar menjadi زَيْدًا . Begitu juga pada kata kerja يُدْرُسُ pada ayat (1) bertukar menjadi يُدْرُسَ pada ayat (2) apabila kata penegas لَنْ dimasukkan pada ayat (2) tersebut.

Walau bagaimanapun di dalam sesetengah situasi, perubahan baris akhir tidak mempunyai kaitan dengan perubahan makna tetapi hanya sekadar perubahan fungsi nahu sahaja seperti contoh berikut:

(3) سَيَّارَةٌ مُحَمَّدٍ ( *Kereta Muhammad* )

(4) السَّيِّدُ مُحَمَّدٌ ( *Tuan Muhammad* )

Ayat (3) dan (4) perbezaan baris pada perkataan محمدٍ/محمد tidak disebabkan oleh perubahan makna tetapi adalah disebabkan oleh perbezaan fungsi gramatis di

mana **محمد** pada ayat (3) berfungsi sebagai kata sandaran ( **الْمُضَافُ إِلَيْهِ** ) . Manakala

**محمد** pada ayat (4) berfungsi sebagai kata saingan ( **الْبَدَلُ** )

#### iv. Kesesuaian ( **الْمُطَابَقَةُ** )

Dalam bahasa Arab terdapat keadaan yang mesti disesuaikan di antara dua perkataan

tertentu seperti : **الطَّالِبَةُ الْمُجْتَهِدَةُ** bermaksud *pelajar perempuan yang rajin*.

Kesesuaian antara dua perkataan dalam frasa tersebut adalah dari aspek berikut:

- i. Dari aspek infleksi iaitu kesamaan baris dan bunyi akhir bagi kedua-dua perkataan dalam frasa tersebut (bunyi ‘u’).
- ii. Dari aspek genus iaitu kesamaan ta’ marbutat ( ة ).
- iii. Dari aspek bilangan kerana kedua-dua perkataan tersebut berbentuk kata tunggal.
- iv. Dari aspek am dan khas iaitu kedua-dua perkataan tersebut berbentuk *makrifat* dan mempunyai ( ال ).

Kesesuaian juga berlaku dalam ayat bahasa Arab seperti dalam ayat di bawah:

**المُعَلِّمُ نَشِيطٌ** bermaksud ‘*Guru itu rajin*’. Kesesuaian pada ayat ini adalah dari sudut

berikut:

- i. Kesesuaian dari sudut genus
- ii. Kesesuaian dari sudut bilangan iaitu kedua-duanya kata tunggal.
- iii. Kesesuaian dari segi tanda atau rumus iaitu kedua-dua perkataan dalam ayat di atas tidak mempunyai ta’ marbutat ( ة ).

Bagi binaan ayat KN + KK seperti contoh : **الْبَنَاتُ جِئْنَ** bermaksud 'Anak-anak perempuan telah tiba'. Menurut Fassi Fehri (1991:134) kesesuaian pada ayat ini adalah dari sudut berikut:

- i. Kesesuaian dari sudut bilangan.
- ii. Kesesuaian dari sudut genus.
- iii. Kesesuaian dari sudut individu. (الشَّخْصُ)

Binaan ayat dalam bahasa Arab amat mengambil berat tentang aspek kesesuaian samada kesesuaian dari segi genus, am dan khas, bilangan dan dari aspek infleksi. Sementara itu, menurut Fassi Fehri (1991: 66) kesesuaian (تَطَابُق) dalam ayat ismiyyat ialah kesesuaian yang berkaitan dengan kata adjektif (الصِّفَةُ). Oleh itu, binaan ayat bahasa Arab perlu mengambilkira semua aspek-aspek tersebut bagi menjamin binaan ayat gramatis dan menepati aspek tatabahasa Arab.

**v. Masa dan Kala ( الزَّمَنُ )**

Di dalam bahasa Arab aspek masa boleh ditentukan oleh kata kerja ( الْفِعْلُ ). Kata kerja dan masa boleh difahami serentak dan seiring antara satu sama lain. Contoh yang boleh dijelaskan di sini iaitu apabila disebut perkataan **كَتَبَ** (kata kerja lepas) ianya bermaksud *telah menulis* iaitu perbuatan menulis ini dilakukan pada masa lepas. Perkataan **يَكْتُبُ** (kata kerja sedang) bermaksud *sedang menulis* iaitu perbuatan menulis itu sedang berlaku. Perkataan **اُكْتُبْ** (kata perintah) menunjukkan perbuatan

yang bersifat perintah melakukan penulisan iaitu *tulishlah*. Biasanya perintah ini dilakukan pada masa akan datang.

Kata kerja dalam bahasa Arab di bahagikan kepada tiga bahagian:

- i. **الفِعْلُ الْمَاضِي** - menunjukkan masa lepas seperti perkataan **أَكَلَ** bermaksud *telah makan*.
- ii. **الفِعْلُ الْمُضَارِع** – menunjukkan masa sekarang atau masa akan datang. Perubahan situasi ini difahami di dalam konteks ayat seperti contoh **يَأْكُلُ** bermaksud *perbuatan sedang makan atau akan makan* .
- iii. **فِعْلُ الْأَمْرِ** - menunjukkan perbuatan yang akan dilakukan apabila berlaku sesuatu perintah diungkapkan seperti ungkapan **كُلْ** bermaksud *makanlah*. Perintah ini menunjukkan perbuatan *makan* itu akan dilakukan pada masa akan datang iaitu selepas sesuatu perintah berlaku.

Walaupun bagaimanapun, apa yang disebut di atas sebenarnya boleh berlaku perubahan dari segi makna kerana masa juga boleh dikenali dengan petanda-petanda lain. Contohnya **الفِعْلُ الْمُضَارِع** yang menunjukkan masa kini dan akan datang boleh

berlaku perubahan padanya sekiranya didahului dengan partikel **لَمْ** (*tidak*) .

Contoh *لَمْ يَكْتُبْ* bermaksud ‘*Dia tidak menulis*’ pada masa lepas. Begitu juga perubahan masa akan berlaku pada *الْفِعْلُ الْمَاضِي* (kata kerja lepas), sekiranya didahului dengan partikel *إِذَا* pada kata kerja lepas seperti *إِذَا كَتَبَ* bermaksud ‘*Sekiranya dia menulis*’.

Ayat ini membawa maksud perbuatan menulis itu akan dilakukan pada masa akan datang. Oleh itu jelaslah bahawa perubahan masa akan berlaku pada kata kerja lepas dan kata kerja akan datang apabila partikel-partikel tertentu dimasukkan permulaan kata kerja-kata kerja tersebut.

### **3.3 POLA AYAT ISMIYYAT**

Menurut Hijawiy (2005:33) ayat Ismiyyat ialah ayat yang dimulakan dengan kata nama. Kata nama tersebut terdiri kata nama khas, kata nama benda, binatang, tempat kata ganti nama dan kata tunjuk. Kata nama khas adalah seperti nama orang (Ali, Muhammad, Fatimah dan lain-lain). Kata nama seperti kata nama benda, binatang, nama tempat dan lain-lain. Kata ganti nama seperti ‘*dia, mereka, saya, kamu...*’ dan lain-lain. Kata tunjuk pula seperti ‘*ini, itu...*’. Semua kata nama ini boleh dijadikan subjek bagi sesuatu ayat. Berikut adalah konstituten-konstituten dalam ayat ismiyyat.

### 3.3.1 Konstituten-konstituten Ayat Ismiyyat (nominal sentence)

#### a. Subjek ( الْمُبْتَدَأُ )

Menurut Barakāt (2007) subjek atau *mubtada'* ( الْمُبْتَدَأُ ) adalah kata nama atau yang setara dengannya, tidak mempunyai partikel atau yang setara dengannya dan menjadi judul ayat

Berikut adalah kata-kata nama yang boleh menjadi subjek ayat:

#### i. Kata Ganti Nama Berasingan ( الضَّمَائِرُ الْمُنْفَصِلَةُ )

Yang dimaksudkan dengan kata ganti nama berasingan ini ialah perkataan yang digantikan kepada kata nama seperti :

أَنَا - kata ganti nama bagi diri yang pertama yang menunjukkan seorang seperti contoh

ayat: أَنَا أَتَعَلَّمَ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ

نَحْنُ - kata ganti nama bagi diri yang pertama yang mewakili ramai orang seperti

contoh ayat: نَحْنُ نَتَحَدَّثُ اللُّغَةَ الْإِنْجَلِيَّةَ (Abd. Al-Fatah al-Hamuz,1986, Tanṭawi,1998)

#### ii. Kata Tunjuk ( اِسْمُ الْإِشَارَةِ )

Menurut Tanṭawi (1998:652) Kata Tunjuk ( اِسْمُ الْإِشَارَةِ ) terbahagi kepada dua

bahagian iaitu kata penunjuk untuk objek dekat dan kata penunjuk untuk objek jauh.

Penggunaan kata Tunjuk sebagai subjek ayat bahasa Arab lebih terperinci mengikut

kesesuaian gender dan bilangan. Ianya mengandungi enam pola mewakili pola-pola

maskulin dan pola-pola feminin seperti dalam jadual 3.1;

**Jadual 3.1: Kata Penunjuk Pola Dekat Dan Pola Jauh**

إِسْمُ الْإِشَارَةِ لِلْبَعِيدِ			مُذَكَّرٌ مُؤَنَّثٌ	إِسْمُ الْإِشَارَةِ لِلْقَرِيبِ		
جَمْعٌ	مُثَنَّى	مُفْرَدٌ		جَمْعٌ	مُثَنَّى	مُفْرَدٌ
أُولَئِكَ	ذَانِكَ	ذَلِكَ		هَؤُلَاءِ	هَذَانِ	هَذَا
أُولَئِكَ	تَانِكَ	تِلْكَ		هَؤُلَاءِ	هَاتَانِ	هَذِهِ

iii. Partikel relatif (إِسْمُ الْمَوْصُولِ)

Menurut Abd.Fatah al-Hamuz (1986:18) subjek dalam bahasa Arab juga terdiri dari partikel relatif yang berfungsi sebagai penghubung ayat. Ianya terbahagi kepada enam pola seperti dalam jadual 3.2:

**Jadual 3.2: Partikel Relatif (الاسم الموصول)**

Contoh	Partikel Relatif (Femini n)	Genus	Contoh	Partikel Relatif (Maskulin )	Genus
الَّتِي يَجْتَهِدُ تَنْحَحُ	الَّتِي	الْمُفْرَدَةُ	الَّذِي يَجْتَهِدُ يَنْحَحُ	الَّذِي	الْمُفْرَدُ
اللَّتَانِ يَجْتَهِدَانِ تَنْحَحَانِ	اللَّتَانِ	الْمُثَنَّى	اللَّذَانِ يَجْتَهِدَانِ يَنْحَحَانِ	اللَّذَانِ	الْمُثَنَّى
اللَّائِي يَجْتَهِدْنَ يَنْحَحْنَ	اللَّائِي	الْجَمْعُ	اللَّذِينَ يَجْتَهِدُونَ يَنْحَحُونَ	اللَّذِينَ	الْجَمْعُ

iv. Kata Nama yang mempunyai partikel ال (الْمَعْرِفَةُ)

Semua kata nama yang mempunyai partikel ال boleh dijadikan subjek ayat.

Contoh :

الْمَدْرَسَةُ وَاسِعَةٌ / الْكِتَابُ فَوْقَ الْمَكْتَبِ

v. Kata nama Khas ( اِسْمُ الْعَلَمِ )

Yang dimaksudkan dengan *Ism 'Alam* iaitu nama orang dan nama tempat seperti contoh berikut:

عَلِيٌّ طَالِبٌ / فَاطِمَةُ طَالِبَةٌ ، كُوَالَا لُمْبُورِ عَاصِمَةُ مَالِيْرِيَا / الْوَر سَتْر مَدِيْنَةُ صَغِيْرَةٌ.

iv. Kata nama Sandaran ( اِسْمُ الْاِضَافَةِ )

Kata nama am yang disandarkan kepada اِسْمُ الْمَعْرِفَةِ *Ism Ma'rifat* seperti / سَيَّارَةُ الْمُدِيْر /

قَلَمِيْ / بَيْتُ عَلِيْ /

Perkataan قَلَمٌ umum. Apabila disandarkan kepada ي , maka ia akan menjadi makna khusus iaitu 'pen saya'. Contoh ayat berikut menunjukkan Kata nama *Idāfat* boleh dijadikan subjek;

قَلَمِيْ جَدِيْدٌ / سَيَّارَةُ الْمُدِيْر كَبِيْرٌ

v. Kata Tanya ( اَدْوَاتُ الْاِسْتِفْهَامِ )

Menurut Ni ° mat Fuād,(1973:23), Abd. Fatah al Hamuz, (1986:49) Kata Tanya merupakan salah satu bentuk subjek dalam bahasa Arab seperti contoh berikut;

“مَنْ يَأْكُلُ؟” “Siapa sedang makan?”

**b. Predikat ( الْخَبْرُ )**

Predikat ialah kata penerang di mana ia boleh terjadi dengan kata nama ( الْإِسْمُ ) atau kata kerja ( الْفِعْلُ ). Dengan kata lain predikat bertugas sebagai pelengkap bagi sesuatu subjek. Sekiranya sesuatu subjek tidak dilengkapi dengan predikat, maka subjek tersebut tidak sempurna. Oleh itu predikat menerangkan kesempurnaan makna sesuatu subjek ( الْمُتَبَدَأُ ). Selain dari itu predikat juga terdiri daripada gabungan kata sendi dan kata nama seperti فِي الْفَصْلِ. Kombinasi فِي + الْفَصْلِ disebut شِبْهُ الْجُمْلَةِ iaitu frasa kata depan.

Menurut Anṭowan Dahdah (1989) predikat hendaklah menyamai subjek dari segi genus ( نَوْعٌ ) dan bilangan ( الْعَدَدُ ). Walaubagaimanapun ianya terkecuali sekiranya predikat terdiri dari frasa kata depan seperti kombinasi فِي + الْفَصْلِ dan sekiranya predikat terdiri daripada kata nama jamid ( الْإِسْمُ الْجَامِدُ ) seperti contoh:

الْجُمْلَةُ نَوْعَانِ / الْأَلْوَانُ سَبْعَةٌ.

## Jenis-jenis Predikat

Menurut Anṭowan Dahdah (1989) predikat terdiri daripada tiga jenis iaitu:

### i. Predikat Tunggal ( خَبْرٌ مُفْرَدٌ )

Predikat tunggal ( خَبْرٌ مُفْرَدٌ ) iaitu predikat yang terdiri dari satu perkataan sahaja

samada bilangannya satu ( مُفْرَدٌ ), duaan ( مُتَنَّى ), dan banyak ( جَمْعٌ ). Berikut adalah

contoh-contoh predikat tunggal:

#### (i) Predikat tunggal bilangan satu ( مُفْرَدٌ )

Contoh:

الْوَلَدُ نَاجِحٌ

الْبِنْتُ نَاجِحَةٌ

Kalimah نَاجِحٌ dan نَاجِحَةٌ adalah predikat dalam bentuk tunggal ( خَبْرٌ مُفْرَدٌ ) .

Predikat tunggal ini menyamai subjek pada genus dan bilangan iaitu genus subjek maskulin dan genus predikat juga maskulin. Begitu juga pada ayat yang kedua iaitu genus subjek feminin dan genus predikat juga feminin.

**(ii) Predikat tunggal bilangan dua ( مُثْنِي )**

Contoh:

الْوَلَدَانِ نَاجِحَانِ.

الْبَيْتَانِ نَاجِحَتَانِ.

**(iii) Predikat tunggal bilangan ramai ( جَمْع )**

Contoh:

الْمُسْلِمُونَ مُجْتَهِدُونَ.

الْمُسْلِمَاتِ مُجْتَهِدَاتٌ.

**(b) Predikat Dalam Bentuk Ayat ( خَبَرٌ جُمْلَةٌ )**

Predikat dalam bentuk ayat terdiri dari dua perkataan iaitu ( subjek + predikat).

Subjek + Predikat ini mengambil tempat nominatif ( مَرْفُوعٌ ). Sebagai ganti predikat

tunggal ( مُفْرَدٌ )

**Jenis Predikat Dalam Bentuk Ayat**

**(a) Predikat Ayat Namaan ( خَبَرٌ جُمْلَةٌ اِسْمِيَّةٌ )**

Contoh:

الْمُعَلِّمُ عِلْمُهُ عَزِيزٌ.

الأغنياء أموالهم كثيرة.

Contoh di atas menunjukkan bahawa selepas subjek ( المُبتدأ ), terdapat kata nama ( اسم ) yang dinominatiskan ( مرفوع ) tetapi perkataan tersebut belum memberi pengertian yang lengkap, melainkan dilihat secara menyeluruh terdiri daripada dua kata nama yang dinominatiskan dan memberi maksud yang sempurna. Kata nama selepas subjek ( المُبتدأ ) itu digandingkan dengan kata ganti ( هـ ) dan ( هم )

**(b) Predikat Ayat Kerjaan (خبر جُملة فعلية)**

Contoh:

التلميذ يأكل الأرز.

النظافة تُنشط الجسم.

Predikat yang berbentuk kata kerja ini mengandungi kata ganti tersembunyi yang mempunyai hubungan dengan subjek. Perkataan يأكل dan تُنشط mengandungi kata kerja dan pelaku (kata ganti nama) tersembunyi yang dikembalikan kepada subjek التلميذ dan النظافة dan ayat yang terdiri daripada ( فاعل + فعل ) mengambil tempat nominatif dikenali sebagai ayat kerjaan. Predikat ayat kerjaan ini mesti mengandungi kata ganti nama yang menghubungkannya dengan subjek serta bersesuaian dari segi genus samada maskulin dan feminin dan dari segi bilangan samada tunggal, duaan dan ramai atau jamak. Ianya dikenali sebagai penghubung atau ( رابط )

(c) **Predikat Frasa Kata Depan ( خَبْرُ شِبْهِ الْجُمْلَةِ )**

Frasa kata depan ialah gabungan partikel jar atau sendi nama dengan kata nama.

Berikut adalah contoh frasa kata depan:

فِي الْمَسْجِدِ، عَلَى الْمَكْتَبِ، فَوْقَ السَّقْفِ، أَمَامَ الْبَيْتِ

Kombinasi partikel jarr dan kata sendi nama ( الظَّرْفُ ) dengan kata nama yang

datang kemudian daripada subjek dikenali sebagai predikat frasa kata depan

( خَبْرُ شِبْهِ الْجُمْلَةِ ).

Contoh:

الْكِتَابُ فِي الْحَقِيبَةِ.

الْمُسْلِمُ مِنْ مَالِيْرِيَا.

Dalam contoh di atas, selepas subjek ( الْمُبْتَدَأُ ) terdapat frasa kata depan iaitu gabungan

partikel jar dengan kata nama dalam bentuk genetif iaitu مِنْ مَالِيْرِيَا dan فِي الْحَقِيبَةِ.

Gabungan kedua-duanya inilah dinamakan predikat frasa kata depan ( خَبْرُ شِبْهِ الْجُمْلَةِ )

yang melengkapkan makna perkataan subjek sehingga ianya dapat difahami.

Contoh berikut menerangkan kombinasi kata sendi nama ( الظَّرْفُ ) dan kata nama iaitu

فَوْقَ الْمَكْتَبِ dan أَمَامَ الْبَيْتِ yang melengkapkan makna subjek dalam sesuatu ayat.

Contoh:

الْمَسْجِدُ أَمَامَ الْبَيْتِ .

الْمِسْطَرَّةُ فَوْقَ الْمَكْتَبِ .

Pada hakikatnya semua predikat menyerupai subjek dari segi kesesuaian pada genus dan bilangan kecuali predikat dalam bentuk frasa kata depan ( خَبَرٌ شِبْهُ الْجُمْلَةِ ) yang bebas dari syarat-syarat tersebut. Manakala dalam dalam infleksi ( الإِعْرَابُ ), ayat ( الْجُمْلَةُ ) dan frasa kata depan ( شِبْهُ الْجُمْلَةِ ) mengambil tempat nominatif ( مَرْفُوعٌ ) dan menjadi predikat ( الخَبَرُ ) kepada subjek ( المَبْتَدَأُ ).

### 3.4 POLA AYAT FI'LIYYAT

Menurut Hijawiy (2005: 34) ayat fi' liyyat adalah ayat yang dimulakan dengan kata kerja ( الفِعْلُ ). Ianya terdiri dari gabungan kata kerja dan pelaku ( kata nama) dan juga gabungan kata kerja dan pelaku (kata nama) serta objek (kata nama). Kata kerja ini mestilah dalam bentuk tunggal sahaja dan ianya berada dipermulaan ayat.

### 3.4.1 Konstituten-konstituten Ayat Fi °liyyat

Dalam ayat fi °liyyat terdapat beberapa konstituten-konstituten seperti pelaku (الْفَاعِلُ), kata kerja (الْفِعْلُ), objek (الْمَفْعُولُ بِهِ).

Berikut dinyatakan satu persatu konstituten yang terdapat dalam ayat fi °liyyat:

#### (a) Kata Kerja Tunggal (إِفْرَادُ الْفِعْلِ)

Ayat kerjaan atau fi °liyyat dimulakan dengan kata kerja tunggal walaupun pelakunya berbentuk duaan atau jamak (ramai). Walaubagaimanapun kata kerja akan berubah bentuk dari segi genus apabila pelakunya bertukar dari maskulin ke feminin. Kata kerja tersebut tetap tunggal juga walaupun ianya berubah dari segi genus.

Menurut Mustafa Ghalayaniy (1987) antara ciri yang perlu diperhatikan dalam membina ayat kerjaan iaitu dari segi penyesuaian (مُطَابَقَةٌ) antara kata kerja dan pelaku. Sekiranya kata kerja tersebut maskulin, maka pelaku hendaklah dalam bentuk maskulin samada ianya pelaku tunggal, duaan ataupun jamak (ramai). Kata kerja dan pelaku saling kait mengait antara satu sama lain. Oleh itu, kata kerja dan pelaku mesti bersesuaian (تَطَابُقٌ) dari segi maskulin (مُذَكَّرٌ) ataupun feminin (مُؤَنَّثٌ). Inilah keistimewaan ayat kerjaan (جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ).

Berikut adalah contoh-contoh ayat fi'liyyat:

(i) خَرَجَ الْوَلَدُ

خَرَجَ الْوَلَدَانِ

خَرَجَ الْأَوْلَادُ

Dalam ayat di atas kata kerja bagi pelaku-pelaku tersebut mestilah tunggal walaupun pelaku-pelaku dalam ayat tersebut dalam bentuk duaan dan ramai.

(ii) خَرَجَتْ الْبِنْتُ

خَرَجَتْ الْبِنْتَانِ

خَرَجَتْ الْبَنَاتُ

Dalam ketiga-tiga ayat ini, pelaku (الْفَاعِلُ) semuanya feminin (مُؤَنَّثٌ) yang terdiri dari pelaku tunggal (مُفْرَدَةٌ), duaan (مُتَنِّئٌ) dan ramai (جَمْعٌ مُؤَنَّثٌ سَالِمٌ). Manakala kata kerja kepada ke tiga-tiga pelaku dalam ayat di atas mestilah tunggal dalam genus feminin. Perkara yang perlu diperhatikan ialah keadaan pelaku samada dalam bentuk maskulin atau feminin. Sekiranya kata kerja lepas (الْفِعْلُ الْمَاضِي) dalam bentuk feminin, maka kata kerja tersebut hendaklah disambung dengan huruf ta'sakinat (ت) dan pelaku juga feminin. Berikut adalah contoh kata kerja lepas feminin dan pelaku feminin dalam bilangan tunggal, duaan dan jamak:

أَكَلَتْ الْبِنْتُ - Seorang budak perempuan telah makan.

أَكَلَتِ الْبِنَاتُ - Dua orang budak perempuan telah makan.

أَكَلَتِ الْبَنَاتُ - Ramai budak perempuan telah makan.

Bagi kata kerja kala depan atau sedang (الْفِعْلُ الْمَضَارِعُ) pula, perlu dimasukkan imbuhan

ت kepada kata kerja lepas seperti contoh berikut:

ت + خَرَجَ = تَخْرُجُ - تَخْرُجُ الْبِنْتُ / تَخْرُجُ الْبِنَاتُ / تَخْرُجُ الْبَنَاتُ

Kata kerja mesti difemininkan (تَأْنِيثٌ) apabila pelaku (الْفَاعِلُ) berkedudukan seperti

berikut:

(i) Pelaku (الْفَاعِلُ) dalam bentuk kata nama nyata feminin (الاسْمُ الظَّاهِرُ الْمُؤَنَّثُ الْحَقِيقِيُّ)

dan tidak dipisahkan dengan kata kerja (فِعْلٌ).

Contoh: جَاءَتْ فَاطِمَةُ - Fatimah telah datang.

(ii) Pelaku adalah terdiri dari kata ganti nama tersembunyi (ضَمِيرٌ مُسْتَتِرٌ) yang

dikembalikan kepada kata nama feminin hakiki atau majaziy

(اسْمُ الْمُؤَنَّثِ الْحَقِيقِيِّ أَوْ الْمَجَازِيِّ)

Contoh:

خَدِيجَةُ ذَهَبَتْ. — *Khadijah telah pergi.*

الشَّمْسُ تَطْلَعُ. — *Matahari sedang terbit.*

(iii) Pelaku adalah kata ganti yang dikembalikan kepada kata nama feminin yang menunjukkan ramai dan kata nama jamak taksir yang menunjukkan sesuatu yang tidak berakal ( جَمْعُ التَّكْسِيرِ لِغَيْرِ الْعَاقِلِ )

Contoh :

(i) زَيْنَبَاتُ جَاءَتْ / جِئْنَ

زَيْنَبَاتُ تَجِيءُ / يَجِيئْنَ

(ii) الْجَمَالُ تَسِيرُ / يَسِرْنَ

Kata kerja boleh difemininkan dan dimaskulinkan apabila pelakunya ( الفَاعِلُ ) terdiri

dari kata nama-kata nama berikut:

(i) Pelaku adalah kata nama feminin yang hakiki yang terpisah dari kata kerja.

Contoh: حَضَرَتْ/ حَضَرَ الْمَجْلِسُ امْرَأَةٌ

(ii) Pelaku ( الفَاعِلُ ) kata nama feminin majazi ( الاسْمُ الْمُؤَنَّثُ الْمَجَازِيُّ )

Contoh: طَلَعَتْ/ طَلَعَ الشَّمْسُ.

(iii) Pelaku kata nama jamak taksir maskulin ( الاسْمُ جَمْعُ التَّكْسِيرِ لِلْمَذَكَّرِ )

Contoh: جَاءَتْ أَوْ جَاءَ الرَّجَالُ .

Kata kerja lepas ( الْفِعْلُ الْمَاضِي ) feminin boleh dikenali sekiranya terdapat ta' sakinat

( تَاءٌ سَاكِنَةٌ ) di akhir perkataan tersebut. Manakala untuk mengenali kata kerja kala

kini ( فِعْلٌ مُضَارِعٌ ) feminin terdapat ta' mutaharrikat ( تَاءٌ مُتَحَرِّكَةٌ ) pada permulaan

perkataan tersebut.

### (b) Kata Kerja Tak Transitif ( الْفِعْلُ اللَّازِمُ )

Kata Kerja Tak Transitif ( فِعْلٌ لَّازِمٌ ) ialah kata kerja yang tidak memerlukan objek

( الْمَفْعُولُ ) di dalam sesuatu ayat, memadai dengan pelaku ( الْفَاعِلُ ) sahaja. Gabungan

antara kata kerja tak transitif dengan pelaku menjadi ayat tersebut sudah sempurna.

Contoh:

(i) جَلَسَ الطَّالِبُ .

(ii) تَذَهَبُ الْمُعَلِّمَةُ .

### (c) Kata Kerja Transitif ( الْفِعْلُ الْمُتَعَدِّيُّ )

Ayat yang dimulakan dengan kata kerja transitif ( الْفِعْلُ الْمُتَعَدِّيُّ ) memerlukan objek

sebagai pelengkap ayat. Sekiranya sesuatu ayat tersebut tidak disertakan dengan objek,

maka ungkapan tersebut tidak sempurna.

Contoh:

(i) أَكَلَ الْفَلَّاحُ الْأُرْزَّ . – *Petani telah makan nasi.*

(ii) تَغَسَّلَ الْمَرْأَةُ الْمَلَابِسَ . – *Perempuan itu sedang membasuh pakaian.*

Menurut Mustaffa al-Ghalayaniy (1987) kata kerja transitif dibahagikan kepada tiga jenis iaitu kata kerja ekatransitif, dwitransitif dan tritransitif .

Kata kerja ekatransitif ( الْفِعْلُ تَنْصِبُ الْمَفْعُولَ الْوَاحِدَ ) ialah kata kerja yang mempunyai satu objek atau penyambut sahaja.

Contoh:

(i) فَتَحَ الطَّالِبُ الْبَابَ . – *Pelajar lelaki itu telah membuka pintu.*

(ii) تَقْرَأُ الطَّالِبَةُ الْكِتَابَ . – *Pelajar perempuan sedang membaca buku.*

Kata kerja dwitransitif ( الْفِعْلُ تَنْصِبُ الْمَفْعُولَيْنِ ) ialah kata kerja yang boleh mengakusatifkan dua objek.

Contoh:

(i) أَعْطَى مُحَمَّدٌ عَلِيًّا كِتَابًا . – *Muhammad memberi Ali sebuah buku.*

(ii) عَلَّمْتُ مُحَمَّدًا الْعُلُومَ . – *Saya mengenali Muhammad akan ilmunya.*

(iii) ظَنَنْتُ فَاطِمَةَ نَاجِحَةً . – *Saya menyangka Fatimah adalah Najihah.*

Manakala kata kerja tritransitif ( الْفِعْلُ تَنْصِبُ ثَلَاثَةَ مَفَاعِيْلٍ ) iaitu kata kerja berfungsi mengakusatifkan tiga objek di dalam sesuatu ayat.

Contoh:

- (i) حَدَّثْتُ خَالِدًا الْخَبَرَ وَاقِعًا.
- (ii) أَخْبَرْتُ عَلِيًّا عُمَرَ نَاجِحًا.
- (c) **Pelaku (الْفَاعِلُ)**

Menurut al-Najjar (1981), pelaku (الْفَاعِلُ) adalah kata nama nominatif didahului oleh kata kerja ragam aktif (الْفِعْلُ الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ) yang menunjukkan kepada orang yang melakukan perbuatan. Oleh itu, setiap kata kerja (الْفِعْلُ) pasti ada pelakunya (الْفَاعِلُ).

Pelaku ini terdapat dalam bentuk tunggal, duaan dan jamak samada ianya maskulin atau feminin.

Contoh (a):

- (i) أَكَلَ الْوَلَدُ الْأَرَزَّ - *Seorang pelajar lelaki telah makan nasi.*
- (ii) قَرَأَ الطُّلَّابُ الْكِتَابَ - *Para pelajar lelaki telah membaca buku.*
- (iii) تَطْبَخُ الْأُمَّهَاتُ الْأَطْعَمَةَ - *Ibu-ibu sedang memasak makanan.*

Dalam contoh-contoh di atas, kata nama (الْوَلَدُ، الطُّلَّابُ، الْأُمَّهَاتُ) didatangi selepas kata kerja (الْفِعْلُ) yang menunjukkan pelaku (الْفَاعِلُ) melakukan kata kerja ragam aktif (الْفِعْلُ الْمَبْنِيُّ لِلْمَجْهُولِ). Ketiga-tiga pelaku tersebut adalah kata nama khas

( الإِسْمُ الظَّاهِر ) nominatif asli iaitu tanda baris akhirnya adalah berbaris depan ( ُ )

kerana الْوَلَدُ kata nama tunggal ( مُفْرَدٌ ), الطُّلَابُ kata nama jamak taksir dan الْأُمَّهَاتُ kata nama jamak feminin.

Contoh (b):

- (i) ذَهَبَ الْوَلَدَانِ إِلَى الْمَدْرَسَةِ. – Kedua-dua budak lelaki itu pergi ke sekolah.
- (ii) سَافَرَ الْمُسْلِمُونَ إِلَى الْمَدِينَةِ الْمُتَوَرَّةِ. – Orang-orang Islam telah pergi ke Madinah.
- (iii) عَادَ أَبُوكَ مِنَ الْإِدَارَةِ. – Bapa awak telah pulang dari pejabat.

Kata nama الْوَلَدَانِ ، الْمُسْلِمُونَ ، أَبُوكَ adalah pelaku ( الْفَاعِلُ ) merupakan kata nama nyata

الْوَلَدَانِ ( إِسْمُ الظَّاهِر ) nominatif ( مَرْفُوعٌ ) dengan tanda bacaan (baris) tidak asli di mana

nominatif dengan alif ( ا ) kerana perkataan bagi pelaku itu dalam bentuk duaan ( مُتَنَّى ).

Perkataan الْمُسْلِمُونَ nominatif ( مَرْفُوعٌ ) dengan huruf wau ( و ) kerana pelaku tersebut

adalah sekumpulan orang-orang Islam dalam bentuk ramai ( جَمْعٌ ). Frasa nama أَبُوكَ

nominatif dengan *wau* kerana perkataan tersebut adalah dari golongan kata nama lima

( الْأَسْمَاءُ الْخَمْسَةُ )

Contoh (c):

(i) كَتَبْتُ الرِّسَالَةَ إِلَى صَدِيقِي .

(ii) شَرِينَا الشَّأْيَ فِي الْمَسَاءِ .

(iii) أَحْمَدُ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ .

Ketiga-tiga contoh di atas, pelaku dalam ayat tersebut bukan terdiri daripada kata nama nyata (الاسْمُ الظَّاهِرُ الْبَارِزُ) tetapi ianya terdiri dari kata ganti nyata yang bersambung (الضَّمِيرُ الْمُتَّصِلُ الْبَارِزُ) dan kata ganti tersembunyi (الضَّمِيرُ الْمُتَّصِلُ الْبَارِزُ). (المُسْتَتِرُ).

Perkataan ت in frasa كَتَبْتُ adalah kata ganti bersambung bagi diri orang pertama menunjukkan tunggal (الضَّمِيرُ الْمُتَّصِلُ لِلْمُتَكَلِّمِ) yang berfungsi sebagai pelaku .

Begitu juga نَا dalam frasa شَرِينَا merupakan kata ganti nama bagi diri orang pertama menunjukkan bilangan ramai (الضَّمِيرُ الْمُتَّصِلُ لِلْمُتَكَلِّمِينَ). Manakala perkataan خَرَجَ mengandungi pelaku yang tersembunyi iaitu kata ganti tersembunyi (الضَّمِيرُ الْمُتَّصِلُ الْبَارِزُ) yang dikhususkan kepada dia lelaki (هُوَ) yang kembali kepada subjek ayat iaitu أَحْمَدُ.

Kesimpulan dari contoh-contoh di atas jelaslah bahawa pelaku ( **الْفَاعِلُ** ) terdiri dari kata nama nyata ( **الاسْمُ الظَّاهِرُ البَارِزُ** ), kata ganti nyata ( **الضَّمِيرُ الْمُتَّصِلُ البَارِزُ** ) dan kata ganti tersembunyi ( **الضَّمِيرُ المُسْتَتِرُ** ).

**( c ) Objek ( **المَفْعُولُ بِهِ** )**

Objek ( **المَفْعُولُ بِهِ** ) adalah kata nama akusatif ( **مَنْصُوبٌ** ) yang menerangkan tentang benda yang kena buat oleh perbuatan pelaku.

Kebiasaannya objek terdiri dari kata nama yang tetap ( **الاسْمُ المَبْنِي** ) dan kata nama berubah ( **الاسْمُ المَعْرَبُ** ).

Berikut adalah contoh ayat di mana kata nama berubah ( **الاسْمُ المَعْرَبُ** ) menjadi objek ( **المَفْعُولُ بِهِ** ).

- (i) . **قَرَأَ صَالِحُ الكِتَابَ** . – Soleh telah membaca buku.
- (ii) . **التَّقَيْتُ زَمِيلِي فِي المَدِينَةِ** . – Saya berjumpa kawan saya di Bandar.
- (iii) . **أَكَلْتُ التُّفَاحَتَيْنِ** . – Saya telah makan dua biji epal.
- (iv) . **إِحْتَرَمْتُ المُعَلِّمِينَ** . – Saya menghormati guru.
- (v) . **زُرْتُ أَبَاكَ المَرِيضَ** . – Saya menziarahi bapa awak yang sakit.

Contoh-contoh ayat di atas menunjukkan semua objek-objeknya akusatif tetapi berbeza dari segi tanda akusatifnya.

Perkataan الْكِتَابُ adalah objek di mana tanda akusatifnya ( مَنْصُوبٌ ) adalah baris atas.

Bagi perkataan زَمِيلِي, ia adalah akusatif ( مَنْصُوبٌ ) dengan andaian. Ia berlaku kepada perkataan-perkataan yang tidak dapat menerima sebarang tanda asal fleksi ( الإِعْرَابُ )

di akhir perkataan tersebut seperti ‘ya mutakkalim’ atau يَا مُتَكَلِّمٌ dalam frasa زَمِيلِي.

Contoh ketiga pula التُّفَّاحَتَيْنِ menjadi akusatif dengan dengan ي kerana perkataan itu

menunjukkan duaan iaitu dua biji epal. Perkataan الْمُعَلِّمِينَ dalam ayat ke empat

akusatif ( مَنْصُوبٌ ) dengan ي kerana perkataan tersebut menunjukkan ramai ( جَمْعُ الْمَذَكَّرِ )

( السَّلَامِ ) iaitu guru-guru lelaki. Manakala frasa أَبَاكَ perkataan أَبَا akusatif ( مَنْصُوبٌ )

dengan huruf ا kerana perkataan أَبَا tergolong dalam kata nama lima ( الْأَسْمَاءُ الْخَمْسَةُ )

Ayat-ayat berikut adalah contoh-contoh ayat kata nama yang tidak berubah

( اِسْمُ الْمَبْنِيِّ ) apabila ianya menjadi objek ( الْمَفْعُولُ بِهِ ):

(i) رَأَيْتُكَ فِي مَحَطَّةِ الْأُتُوبِسِ . – Saya telah melihat kamu di stesen bas.

(ii) إِيَّاكَ نَسْتَعِينُ . – Hanya kepada kamu, kami meminta pertolongan.

(iii) . اِحْتَرَمْتُ الَّذِي ارْشَدَنِي . – Saya menghormati dia yang memberi tunjuk ajar kepada saya.

Kata nama yang tidak berubah dinamakan *Ism mabni* dalam bahasa Arab. Kata nama ini tidak berubah walau di mana ia berada di dalam ayat. Ayat رَأَيْتُكَ menunjukkan كَ adalah kata nama yang tak berubah yang menjadi objek (مَفْعُولٌ بِهِ) kepada kata kerja رَأَيْتُ dan kata ganti nama diri pertama yang bersambung تِ. Oleh itu كَ pada ayat رَأَيْتُكَ adalah kata ganti yang bersambung dengan kata kerja dibina dengan tanda bacaan baris atas ( َ ) mengambil tempat akusatif ( مَنصُوبٌ ) . Sementara كَ pada frasa إِيَّاكَ adalah kata ganti yang terpisah mendahului kata kerja dibina dengan tanda bacaan baris atas ( َ ) berada ditempat akusatif ( مَنصُوبٌ ) .

Sementara itu, di dalam bahasa Arab كَ boleh difleksikan sebagai

الضَّمِيرُ الْمُنْفَصِلُ مَبْنِيٌّ عَلَى الْفَتْحِ فِي مَحَلِّ نَصْبٍ . Ayat ke tiga menunjukkan kata nama bersambung (الاسْمُ الْمُؤَصَّلُ) الَّذِي dibina dengan tanda bacaan baris mati( ْ ) iaitu mengambil tempat akusatif ( مَنصُوبٌ ) atau dalam bahasa Arab di sebut;

الاسْمُ الْمُؤَصَّلُ مَبْنِيٌّ عَلَى السُّكُونِ فِي مَحَلِّ نَصْبٍ.

### 3.5 Perbezaan Ayat Ismiyyat dan Ayat Fi'liyyat

Ayat Ismiyyat adalah ayat yang dimulakan dengan kata nama dan diikuti oleh kata kerja ataupun kata nama. Dalam pola ayat Ismiyyat kata kerja mestilah bersesuaian dengan kata nama sebelumnya yang menjadi subjek ayat samada dari segi genus atau bilangan kerana dalam kata kerja tersebut tersembunyi kata ganti nama ( ضَمِيرٌ مُسْتَتِرٌ ) yang dikembalikan kepada subjek sebelumnya. Berikut akan dinyatakan satu persatu pola-pola ayat ismiyyat:

(i) KN + KN ( اسم + اسم )

(ii) KN + KK ( اسم + فعل )

(iii) KN + KK + KN ( اسم + فعل + اسم )

(iv) KN + PARTIKEL JARR + KN ( اسم + جر + اسم )

(v) KN + PARTIKEL ZARF + KN ( اسم + ظرف + اسم )

(vi) KN + KK + PARTIKEL JARR + KN ( اسم + فعل + جر + اسم )

Manakala ayat fi ° liyyaṭ pula, ialah ayat-ayat yang dimulakan dengan kata kerja. Berikut adalah pola-pola ayat fi ° liyyaṭ yang terdapat dalam sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan 1 (semakan tahun 2006)

(i) KK + KN ( فِعْلٌ + اِسْمٌ )

(ii) KK + KN + JARR + KN ( فِعْلٌ + اِسْمٌ + جَرٌّ + اِسْمٌ )

(iii) KK + KN + KN ( فِعْلٌ + اِسْمٌ + اِسْمٌ )

(iv) KK + KN + KN + JARR + KN ( فِعْلٌ + اِسْمٌ + اِسْمٌ + جَرٌّ + اِسْمٌ )

### 3.6 PENUTUP

Secara keseluruhannya bab tiga ini menerangkan secara ringkas tentang ciri-ciri dan pola-pola ayat gramatis dalam bahasa Arab. Ayat-ayat gramatis ialah ayat yang lengkap tersusun daripada sekumpulan perkataan dan membawa makna yang sempurna. Ianya terdiri dari dua perkataan atau lebih dan setiap bahagian perkataan tersebut saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Selain itu, bab ini juga menerangkan secara terperinci pembahagian ayat-ayat bahasa Arab yang terdiri dari ayat-ayat fi ° liyyaṭ dan ayat-ayat ismiyyaṭ.